

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMT 553 Pengurusan Projek II

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. 'Evolusi teori-teori pengurusan bermula dari teori-teori yang berbeza dan berlainan pemikiran dan terus berkembang ke arah penyatuan semua teori-teori yang lepas serta menjadi satu teori yang unggul dan jelas'.

Bincangkan faedah-faedahnya.

( 25 markah )

2. 'Pengurusan ialah satu proses yang mencakupi dan menghubungkan pelbagai subsistem organisasi'.

Bincangkan pernyataan di atas dalam konteks organisasi-individu dan projek binaan.

( 25 markah )

3. (a) Bezakan dengan jelas antara Misi, Objektif, Polisi dan Strategi.

- (b) Gariskan satu strategi pertumbuhan bagi sebuah firma binaan.

Kenalpastikan laluan-laluan utama pertumbuhan tersebut dan laluan manakah sepatutnya dicuba? Kenapa?

( 25 markah )

4. Bincangkan perbezaan antara struktur projek dan struktur berfungsi untuk pengurusan firma-firma dan projek-projek binaan.

Beri saranan tentang keperluan untuk membaiki struktur projek dan bagaimana ia dapat dilakukan.

( 25 markah )

...2/-

5. Dalam industri yang mempunyai penggunaan buruh yang tinggi, seperti industri binaan, penggunaan sumber-sumber manusia yang effektif adalah penting.

Bincangkan sejauhmanakah teori-teori motivasi menyediakan panduan untuk mencapai tujuan di atas, dan kenalpastikan tahap-tahap aktiviti dalam industri yang membolehkan penggunaan panduan tersebut.

( 25 markah )

6. Bincangkan metodologi yang praktik untuk menilai prestasi sesebuah firma binaan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

( 25 markah )

- 00000000 -